

PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN 'ADAD DAN MA'DŪD BERPANDUKAN AYAT AL-QURAN

Mohamad HUSSIN*

Abdul Hadi MAROSADEE

Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

mohamadhussin@um.edu.my

hadimspp@gmail.com

Manuscript received 14 April 2019

Manuscript accepted 13 June 2019

**Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.1411.2019>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina sebuah modul yang berkesan bagi mengatasi masalah miskonsepsi dalam pembelajaran 'adad dan ma'dūd. Kajian terdahulu menunjukkan pelajar sering terdedah kepada miskonsepsi dalam menguasai 'adad dan ma'dūd Arab. Hal ini kerana sistem pembahagian, konsep dan jenis 'adad serta ma'dūd dalam tatabahasa Arab yang berbeza dengan konsep yang digunapakai dalam bahasa asal pelajar. Hasil dapatan kajian terdahulu mendapati al-Quran mempunyai sumber yang mencukupi bagi membina sebuah modul pembelajaran berkaitan tajuk ini. Manakala pendekatan ADDIE didapati sangat membantu dalam membina sebuah modul pembelajaran. Melalui fasa-fasa yang dicadangkan, maka modul ini dibina dengan membahagikan 'adad kepada tiga kelompok sahaja berdasarkan kepada persamaan ciri dalam setiap kelompok berkenaan iaitu 'adad sama, 'adad berlawanan dan 'adad neutral. Pembahagian ini dilakukan untuk mengurangkan masalah kekeliruan dalam kalangan golongan sasaran seterusnya menangani permasalahan miskonsepsi yang diketengahkan. Melalui pendekatan ini diharap masalah miskonsepsi berkaitan tajuk ini dapat diatasi.

Kata kunci: miskonsepsi, 'adad, ma'dūd, gangguan bahasa Arab, nahu al-Quran

THE DEVELOPMENT OF ADAD AND MA'DŪD LEARNING MODULE GUIDED BY QUR'ANIC VERSES

ABSTRACT

This study aims to develop an effective module to address misconceptions in learning 'adad and ma'dūd. Previous studies have shown that students are often exposed to misconceptions in mastering Arabic 'adad and ma'dūd. This is because of the division system, concepts and types of 'adad and ma'dūd in Arabic grammar that differ from the concepts adopted in the original language of the students. The findings of the previous study found that the Qur'an has sufficient resources to build a learning module on this topic. The ADDIE approach is very helpful in building a learning module. Through the proposed phases, the module is built by dividing 'adad into three groups only based on the characteristic equations in each of the respective groups ie 'adad equals, 'adad opposite and 'adad neutral. This division was carried out to minimise confusion among target groups to address the problem of misconception presented. Through this approach it is hoped that misconceptions related to this topic can be overcome.

Keywords: *misconception, 'adad, ma'dūd, Arabic language disturbance, gammar in al-Quran*

Pendahuluan

Miskonsepsi ialah kesilapan konsep dalam penggunaan tatabahasa sama ada dalam pertuturan ataupun penulisan (Kamarulzaman Abdul Ghani et al., 2012). Miskonsepsi sering terjadi dalam penggunaan 'adad dan ma'dūd dalam kalangan pengguna bahasa Arab hatta penutur jati bahasa ini sendiri (al-Rājihiy, 1998). Hal ini kerana terdapat kaedah yang pelbagai dan jenis 'adad dan ma'dūd yang banyak dalam tatabahasa Arab. Setiap jenis 'adad mempunyai kaedah khusus yang berbeza dengan jenis 'adad yang lain. Keadaan ini menuntut penutur peka dengan setiap jenis 'adad dan cara penggunaannya untuk mengelakkan daripada melakukan kesalahan tatabahasa.

Penutur Melayu jati yang mengaplikasikan penggunaan bahasa Arab yang dipelajari akan cenderung menggunakan unsur-unsur bahasa ibunda apabila menggunakan 'adad dan ma'dūd Arab. Mereka menggunakan ayat-ayat seperti *وَإِذَا كُنَّا لِلْكَتَابِ سَاعَةً* (sebuah buku), *اِثْنَانِ كِتَابٍ* (dua buah buku) dan *السَّاعَةُ إِحْدَى عَشْرَةَ* (pukul sebelas) dalam penulisan dan percakapan (Mohamad Hussin, 2010). Hal ini kerana pengaruh gangguan bahasa ibunda yang sama sekali berbeza dengan tatabahasa Arab. Menurut Abdullah Hassan (1983), perlakuan kebudayaan dan linguistik yang sudah ada pada pelajar sentiasa mempengaruhi proses mempelajari bahasa kedua.

Dalam tatabahasa Melayu, 'adad dinamakan kata bilangan dan kata bilangan berfungsi menjadi penerang jumlah kepada frasa nama. Kata bilangan hadir sebelum frasa nama dalam semua keadaan (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood, 2011). Manakala dalam tatabahasa Arab pula, 'adad *mufrad* satu *وَإِذَا* dan dua *(اِثْنَانِ)* contohnya, tidak perlu dinyatakan dalam ayat.

Sekiranya dinyatakan, *'adad mufrad* kategori ini hadir selepas frasa nama dengan gender dan bilangan yang sama dengan *ma'dūd* seperti *كِتَابٌ وَاحِدٌ* (sebuah kitab), dan berfungsi sebagai kata sifat. Manakala *'adad mufrad* daripada tiga *ثَلَاثَةٌ* hingga sembilan *تِسْعَةٌ* pula hadir sebelum kata nama, berlawanan dengan *ma'dūd* dari segi gender dan *ma'dūd* digunakan dengan pola jamak seperti *أَرْبَعٌ رَكْعَاتٍ* (al-Rājihiy, 1998).

Perbezaan yang ketara antara dua sistem bahasa yang berasal daripada dua rumpun bahasa yang berlainan ini menyumbang kepada berlakunya miskonsepsi apabila pelajar menggunakan *'adad* dan *ma'dūd* dalam penggunaan harian. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis permasalahan yang berlaku dan mencadangkan sebuah modul pembelajaran yang dijangka dapat menangani permasalahan ini.

Permasalahan Kajian

Kajian terdahulu mendapati tahap penguasaan pelajar yang mempelajari bahasa Arab secara keseluruhannya sama ada penulisan atau pembacaan atau pertuturan masih berada di tahap sederhana atau lemah (AlMuslim Mustapa, 2012; Ab Halim Mohamad 2002; Mohd Saiful Fahmi Mohd Nasir, 2017; Nik Mahfuzah Nik Mat, 2013; Zainol Abidin Ahmad, 2002). Masalah fonologi, morfologi dan masalah struktur ayat yang tidak sama dengan bahasa asal penutur merupakan antara cabaran dalam menguasai bahasa Arab (Ismail Hj. Ibrahim, 1974), lebih-lebih lagi topik perbincangan seumpama *'adad* dan pelengkapannya, *ma'dūd* yang merupakan sebuah topik yang rumit. Setiap jenis *'adad* mempunyai kaedah khusus yang berbeza dengan jenis yang lain (Ḍayf, 1986). Sungguhpun begitu bahagian ini penting kerana merupakan bahagian yang paling banyak digunakan oleh penutur sesuatu bahasa dalam penggunaan harian (al-Dīkiy, 2007).

Analisis yang dilakukan oleh Nurazizah Marup dan Harun Baharudin (2016) mendapati kesukaran menguasai topik ini adalah kerana keadah tatabahasa yang mengelirukan, mempunyai perkaitan dengan topik lain, kesukaran untuk membuat perbandingan dengan nahu Melayu dan topik yang kurang popular atau sering dipinggirkan serta masa interaksi yang diperuntukkan berdasarkan sukatan pelajaran adalah tidak mencukupi untuk disampaikan kepada pelajar. Manakala kajian yang dilakukan oleh Hakim Zainal dan Mohd Muslim Abdullah (2014) terhadap 50 orang pelajar di Temerloh mendapati sebanyak 927 kesalahan berkaitan *'adad* dan *ma'dūd* dilakukan oleh responden. Kesalahan yang paling banyak adalah dalam aspek *i'rab 'adad* dan *ma'dūd*, diikuti oleh kesalahan padanan genus, seterusnya kesalahan yang berkaitan dengan penulisan *ma'dūd*, kesalahan dalam meletakkan kedudukan *'adad* dan *ma'dūd*, kesalahan padanan bilangan antara *'adad* dan *ma'dūd* dan kesalahan berkaitan penulisan *'adad*.

Justeru, suatu pendekatan yang berkesan perlu diketengahkan bagi mengatasi masalah miskonsepsi berkaitan dengan topik ini (Imam Mul Hakim 2012; Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, & Ashraf Ismail, 2012). Kajian terdahulu menunjukkan pendekatan nahu al-Quran merupakan satu alternatif dalam pengajaran nahu Arab. Pendekatan nahu al-Quran bermaksud pendekatan menggunakan al-Quran sebagai medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran

tatabahasa Arab (Zambri Rajab dan Kaseh Abu Bakar, 2011). Pendekatan ini mula mendapat perhatian apabila al-Anṣārīy (1405H) menghasilkan kitabnya yang berjudul *Nazariyyah al-Nahwi al-Qur'āniy Nash'atuha wa Taṭawwuruha* yang menekankan tentang perlunya menjadikan al-Quran sebagai asas dalam meletakkan kaedah tatabahasa Arab.

Kajian Suhaila Zailani @ Haji Ahmad et al. (2012) mendapati pendekatan mengajar bahasa Arab melalui modul berteraskan al-Quran mengatasi pendekatan lain yang dicadangkan. 83.3% responden kajiannya mencadangkan agar pengajaran nahu menggunakan pendekatan al-Quran, manakala sebanyak 81.5% responden berharap pendekatan bacaan dalam solat dijadikan sebagai asas dalam pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab. Manakala Zambri Rajab, Zulazhan Ab. Halim, dan Kamarul Shukri Mat Teh (2016) dalam kajian mereka menemui dapatan yang menyokong pendekatan nahu al-Quran ini. Beliau menegaskan bahawa mengambil syahid daripada al-Quran adalah merupakan pendekatan terpilih dalam pembelajaran bahasa Arab kerana al-Quran mesra dalam kehidupan seharian mereka. Mohd Zulkifli Muda (2015) menyatakan al-Quran merupakan sumber terbaik bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Hal ini kerana pelajar dapat menghafaz ayat-ayat berkenaan dan dapat menggunakannya semula ketika mempraktikkan bahasa Arab. Berkaitan dengan topik *'adad* dan *ma'dūd*, Hakim Zainal dan Mohd Muslim Abdullah (2014) menegaskan bahawa pengajaran berteraskan ayat al-Quran mampu membantu memudahkan pembelajaran tajuk ini. Sementara pula semua jenis *'adad* serta pelengkapannya yang dibincangkan dalam tatabahasa Arab terdapat padanannya dalam al-Quran (Mohamad Hussin & Mohd Sukki, 2018). Ayat-ayat ini boleh dimanipulasi untuk dijadikan asas dalam pembinaan model pengajaran tajuk yang kerap mengundang miskonsepsi ini.

Oleh itu, kajian ini mengetengahkan pendekatan menerapkan pengajaran topik *'adad* dan *ma'dūd* dengan menggunakan pendekatan menerapkan ayat-ayat al-Quran berkaitan yang disusun sebagai pola berdasarkan kepada analisis keperluan. Melalui pendekatan ini permasalahan yang menjadi isu kajian akan dianalisis dan modul pembelajaran akan dibina. Dalam membangunkan modul kajian, pendekatan ADDIE yang mempunyai lima fasa iaitu Analysis, Development, Design, Implimentation dan Evaluation dijadikan sebagai kerangka rujukan.


Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina sebuah modul yang mantap bagi mengatasi miskonsepsi dalam pembelajaran *'adad* dan *ma'dūd* dalam kalangan pelajar. Dalam menjalankan kajian ini pengkaji akan menganalisis dapatan kajian lampau bagi mengesan permasalahan berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian yang ada dianalisis dan dirumuskan permasalahan yang timbul yang menyebabkan berlakunya miskonsepsi dalam menguasai topik ini. Hasil dapatan analisis, pengkaji akan membina sebuah modul berpandukan kepada model reka bentuk pengajaran ADDIE. Justifikasi pemilihan model ADDIE adalah kerana prosedur model ini menunjukkan aliran sistematik, lengkap dan terarah bagi membantu penghasilan sebuah model baharu. Khairuddin Nisa (2008) menyifatkan penggunaan model ADDIE memberi banyak manfaat disebabkan wujud prosedur mantap serta saling

memerlukan pada setiap peringkat kajian. Penerapan model ADDIE dalam mereka bentuk modul pengajaran juga akan memudahkan proses pembelajaran melalui interaksi daripada pelbagai situasi, sama ada interaksi dalam konteks, atau interaksi antara konteks (Branch, 2009).

Oleh kerana model ADDIE dibangunkan berlandaskan teori behaviorisme, maka pendekatan menerapkan pola ayat tertentu akan dijadikan asas dalam pembinaan modul. Hal ini kerana pendekatan pendokong teori behaviorisme yang mendakwa bahawa sesuatu lakuan yang terbentuk melalui lakuan yang diulang dan dikukuhkan adalah dasar untuk menyelesaikan masalah gangguan bahasa ibunda (Abdullah Hassan, 1983, hlm. 271). Melalui pendekatan ini, responden akan didedahkan dengan suatu ayat sebagai pola, mengingati ayat berkenaan, memahami konsep berkaitan tatabahasa berpandukan kepada ayat yang dijadikan pola dan menggunakannya semula apabila diperlukan. Melalui pendekatan ini, permasalahan miskonsepsi dijangka akan dikurangkan atau dapat diatasi dalam penggunaan harian.

Model ADDIE adalah sebuah model yang dikembangkan daripada model pembelajaran yang mula diperkenalkan oleh Universiti of Florida untuk kegunaan latihan tentera Amerika Syarikat pada tahun 1975 (Branson, Rayner, Cox, Furman, King, & Hannum, dipetik daripada Hays, 2006). Model ini merupakan salah satu model yang paling biasa digunakan dalam mereka bentuk modul pengajaran dan pembelajaran berkesan dan boleh dipraktiskan dalam mana-mana situasi pembelajaran sama ada bersemuka atau atas talian (Aldoobie, 2015). Model ini terkenal dengan nama ADDIE yang merupakan akronim kepada lima fasa yang dilalui dalam membangunkan sebuah model pengajaran iaitu Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation. Setiap fasa pula saling berkait dengan fasa sebelum dan fasa selepasnya. Aplikasi model ADDIE boleh dijelaskan melalui Rajah 1:



Rajah 1. Model ADDIE (adaptasi daripada Branch, 2009).

Model ini merupakan model pengajaran interaktif. Melalui pendekatan model ini, keputusan ujian formatif di mana-mana bahagian akan membantu pengatur program untuk kembali semula ke mana-mana fasa sebelumnya.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam proses membina modul kajian ini, semua fasa model ADDIE diaplikasikan. Fasa-fasa berkenaan melibatkan: (1) fasa analisis (Analysis), (2) fasa reka bentuk (Design), (3) fasa pembangunan (Development), (4) fasa pelaksanaan (Implementation) dan (5) fasa penilaian (Evaluation). Dapatan mengikut fasa boleh dipaparkan seperti berikut:

1. Fasa Analisis (Analysis)

Langkah pertama yang perlu dijalankan dalam mereka bentuk modul pengajaran mengikut fasa ADDIE adalah fasa analisis. Fasa Analisis merupakan asas untuk fasa-fasa seterusnya dalam mereka bentuk sesuatu pengajaran. Tujuan fasa analisis ialah untuk mengenal pasti punca-punca dan jurang prestasi (Branch, 2009).

Dalam fasa ini, beberapa analisis dijalankan dan antara yang terpenting adalah mengenal pasti masalah dan cara penyelesaiannya. Tujuan utama proses ini adalah untuk memastikan reka bentuk pengajaran yang akan dihasilkan menepati dan memenuhi keperluan pelajar yang sebenar. Masalah yang berkaitan boleh dikenal pasti melalui pelbagai kaedah atau teknik misalnya temu bual, pemerhatian, tinjauan, soal selidik dan sebagainya. Antara perkara yang perlu diambil perhatian dalam fasa analisis ialah mengesahkan jurang prestasi, menentukan matlamat pengajaran, menganalisis pelajar, menganalisis sumber yang tersedia, mengesyorkan sistem penyampaian potensi dan menulis rancangan pengurusan projek (Branch, 2009).

Secara ringkasnya, dalam konteks mereka bentuk modul pembelajaran *'adad* dan *ma'dūd* ini pengkaji merujuk kepada soal selidik yang dibina bagi tujuan melihat penguasaan pelajar terhadap topik yang akan dirawat. Hasil soal selidik kertas pensil yang dijalankan mendapati purata pencapaian responden terhadap semua bahagian ujian mengikut urutan adalah seperti berikut:

- 1) penguasaan terjemahan *'adad* dan *ma'dūd* dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu (90%)
- 2) melengkapkan ayat dengan *'adad* atau *ma'dūd* bagi membentuk ayat yang sempurna (39%)
- 3) penguasaan *'adad al-tartībiy* (37%)
- 4) pengetahuan asas *adad* dan *ma'dūd* (32.1%)
- 5) penguasaan terjemahan dari bahasa Melayu kepada bahasa Arab (30%)
- 6) menentukan padanan *'adad* dalam petikan berdasarkan fungsi nahuan (29.4%)
- 7) menentukan padanan *ma'dūd* dengan fungsi nahuan yang betul (24%)

8) penguasaan *i'rāb 'adad* dan *ma'dūd* (11%)

Jelas bahawa pencapaian semua responden berada pada tahap yang lemah dalam kebanyakan bahagian soal selidik. Ini juga merupakan petunjuk bahawa penguasaan pelajar mengenai *'adad* dan *ma'dūd* ini masih lagi di tahap yang memerlukan penambahbaikan yang sewajarnya.

Kajian juga mendapati penguasaan *i'rāb*, adalah merupakan bahagian paling lemah bagi kebanyakan pelajar. Untuk menguasai *i'rāb* dengan baik, pelajar perlu menguasai keseluruhan sistem lakuan kata dalam tatabahasa Arab. Inilah merupakan halangan bagi pelajar dalam menentukan *i'rāb* yang tepat bagi sesuatu perkataan. Pelajar bukan sahaja perlu menguasai tajuk *'adad* tetapi juga perlu menguasai tajuk-tajuk berkaitan dengannya seperti *mubtadā'* dan *khobar*, *muḍāf* dan *muḍāf ilayhi*, *tamyīz*, *na'at*, *fā'il*, *maf'ūl* dan lain-lain.

Dapatan ini adalah selari dengan dapatan Che Kamaruddin Kamel Che Muhammad (1999, hlm. 68) yang menyatakan bahawa penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar peringkat menengah adalah lemah. Kelemahan pelajar amat ketara dalam penggunaan *jumlah 'ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah* yang mana 100% pelajar gagal menjawab soalan yang dikemukakan.

Mengenai penguasaan *'adad tartībiy* dan juga terjemahan bahasa Arab kepada bahasa Melayu, dapatan kajian menunjukkan sebahagian responden terkesan dengan bahasa ibunda mereka. Responden cenderung menggunakan unsur-unsur bahasa ibunda dalam menggunakan *'adad* terbabit yang menunjukkan kesukaran mereka menyerap budaya bahasa baru yang dipelajari. Pelajar cenderung menggunakan ayat-ayat seperti berikut *وَإِجْدَ مَنْزِلَ* (sebuah rumah), *اِثْنَانِ كِتَابَ* (dua buah buku), dan *السَّاعَةَ أَحَدَى عَشْرَةَ* (pukul sebelas) dalam penulisan mereka.

Dapatan ini ada kaitannya dengan masalah gangguan dalam pemerolehan bahasa kedua. Dalam hal ini, lakuan kebudayaan dan linguistik yang sudah ada pada pelajar iaitu daripada bahasa ibundanya sentiasa mempengaruhi proses mempelajari bahasa kedua tersebut. Seorang pelajar bahasa kedua, perlu menguasai lakuan bahasa yang baru dan terpaksa memilih untuk menggunakan yang baru atau yang lama mengikut keperluan konteks (Abdullah Hassan, 1983, p. 270). Justeru, sesuatu perlu dilakukan supaya gangguan atau halangan berkenaan boleh dikurangkan.

Abdullah Hassan (1983, hlm. 271) menyarankan agar para pengajar bahasa, menggunakan pendekatan pendokong teori behaviorisme yang mendakwa bahawa lakuan itu terbentuk melalui lakuan yang diulang dan dikukuhkan sebagai dasar untuk menyelesaikan masalah gangguan bahasa ibunda. Melalui pendekatan ini, latihan perlu ditingkatkan dan digandakan terutamanya dalam bahagian yang mana lakuan bahasa ibunda mengganggu perbentukan lakuan bahasa yang sedang dipelajari. Melalui pendedahan yang diulang-ulang dan secara berterusan ini, pelajar akan menguasai konsep baharu dan dapat menggunakannya dengan baik, tanpa ada kekeliruan. Kekeliruan merupakan antara alasan dengan kekerapan yang terbesar yang dikemukakan responden. Mereka keliru dalam menentukan padanan *'adad* dengan *ma'dūd* yang sesuai, keliru dengan perubahan baris akhir atau tanda *i'rāb*, keliru dengan penggunaan *ma'dūd* yang sepadan, sama ada kata nama tunggal atau kata nama jama', keliru dengan fungsi nahuan *ma'dūd* sama ada *na'at* atau *muḍāf*

ilayhi atau *tamyīz*, keliru dengan jenis-jenis *'adad* dan keliru juga untuk menentukan penggunaan sama ada *'adad ašliy* atau *'adad al-tartībiy*.

2. Fasa Reka Bentuk (Design)

Reka bentuk atau *design* merupakan fasa kedua dalam merangka pengajaran mengikut modul ADDIE. Fasa kedua ini bertujuan menentukan dan mereka bentuk kaedah instruksional yang dikehendaki (Branch, 2009). Dalam proses mereka bentuk modul pembelajaran *'adad* dan *ma'dūd* bahasa Arab fasa ini akan menjawab persoalan yang dikemukakan dari fasa analisis.

'Adad dan *ma'dūd* adalah merupakan satu tajuk penting yang diajar dalam sukatan pelajaran bahasa Arab sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pelajar telah didedahkan dengan topik ini sejak daripada tahap pengenalan bahasa Arab sehingga ke peringkat universiti. Hal ini kerana topik ini merupakan topik paling kerap digunakan terutama dalam praktis komunikasi seharian (al-Dīkiy, 2007). Kepentingan menguasai *'adad* dan *ma'dūd* ialah topik ini akan membantu pelajar dalam komunikasi. Saban hari pelajar terdedah dengan penggunaan nombor dalam banyak situasi baik dalam perbualan atau penulisan atau pembacaan. Pelajar yang menguasai *'adad* dan *ma'dūd* akan dapat membaca dengan lancar sebarang teks yang berkaitan nombor, akan menangkap dengan mudah bahan yang didengari, akan menulis dengan tepat jumlah nombor dan penjodoh bilangan serta tidak gusar untuk menerangkan jumlah tertentu dengan lancar.

Modul ini dibina dengan menggunakan teks-teks terpilih yang bersesuaian dengan latar belakang pelajar. Dalam mencapai objektif pembelajaran iaitu menguasai pembelajaran *'adad* dan *ma'dūd* bahasa Arab dan menangani masalah miskonsepsi dalam topik berkenaan, bahan-bahan yang bersumberkan al-Quran dipilih dan dijadikan sebagai pola. Langkah ini diambil kerana kajian terdahulu menunjukkan bahawa pendekatan nahu al-Quran merupakan satu alternatif dalam pengajaran tatabahasa Arab. Kajian Suhaila Zailani @ Haji Ahmad et al. (2012) mendapati pendekatan mengajar bahasa Arab melalui modul berteraskan al-Quran mengatasi pendekatan lain yang dicadangkan. Sebanyak 83.3% responden kajiannya mencadangkan agar pengajaran tatabahasa menggunakan pendekatan al-Quran, manakala sebanyak 81.5% responden berharap pendekatan bacaan dalam solat dijadikan sebagai asas dalam pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab. Manakala Zambri Rajab et al. (2016) dalam kajiannya menemui dapatan yang menyokong pendekatan nahu al-Quran ini. Beliau menegaskan bahawa mengambil syahid daripada al-Quran adalah merupakan pendekatan terpilih dalam pembelajaran bahasa Arab kerana al-Quran mesra dalam kehidupan seharian mereka. Mohd Zulkifli Muda (2015) menyatakan al-Quran merupakan sumber terbaik bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Hal ini kerana pelajar dapat menghafaz ayat-ayat berkenaan dan dapat menggunakannya semula ketika mempraktikkan bahasa dalam komunikasi sebenar.

Justeru, kajian ini mengetengahkan pendekatan menerapkan pengajaran topik *'adad* dan *ma'dūd* dengan menggunakan pendekatan menerapkan ayat-ayat al-Quran berkaitan yang disusun mengikut jenis-jenis *'adad* dan *ma'dūd* Arab. Analisis dilakukan ke atas ayat yang mempunyai perkataan *'adad* di dalamnya yang

merangkumi semua jenis *'adad* sama ada *'adad mufrad*, *'adad murakkab*, *'adad 'uqūd*, *'adad ma'tūf* atau *'adad tartibiy* mengikut pendekatan yang digunakan oleh Dayf (1986). Tujuan analisis ini dilakukan ialah untuk memastikan terdapat sejumlah data yang mencukupi daripada sumber kajian untuk memastikan data berkenaan boleh dijadikan landasan dalam membina modul kajian. Dalam proses menganalisis, pendekatan yang diambil ialah mencari ayat yang mengandungi *'adad* dan padanan *ma'dūdnya* sahaja. *'Adad* ialah lafaz yang menunjukkan jumlah atau susunan, manakala *ma'dūd* pula lafaz yang menunjukkan benda yang dihitung (Dayf, 1986).

Peringkat analisis seterusnya ialah menganalisis penggunaan *'adad* dan *ma'dūd* dalam al-Quran. Dalam melaksanakan analisis ini pengkaji membataskan kepada ayat-ayat yang menyatakan dengan jelas *'adad* serta *ma'dūd* di dalamnya. Ayat-ayat yang dikumpul, dipilih dan dicerakinkan mengikut pembahagian jenis *'adad* mengikut pendekatan nahu al-Quran yang diperkenalkan oleh Ahmad Makki al-Anṣāriy (1405H). Pendekatan nahu al-Quran ialah pendekatan yang menggunakan ayat dan ungkapan dalam al-Quran sebagai asas pembinaan kaedah tatabahasa Arab. Melalui pendekatan ini al-Quran dijadikan sumber utama tatabahasa kerana ia mempunyai sejumlah evident yang mencukupi dengan kaedah yang tekal serta dengan gaya bahasa yang menarik. Kemuncak kepada analisis ini akan membawa kepada kefahaman bahawa al-Quran merupakan suatu input bahasa Arab yang bermutu tinggi dan kemampuannya dalam menjelaskan pelbagai isu tatabahasa Arab adalah suatu yang sangat menarik untuk dikaji.

3. Fasa Pembangunan (Development)

Tujuan fasa Pembangunan adalah untuk menjana dan mengesahkan sumber pembelajaran terpilih. Prosedur umum yang berkaitan dengan fasa pembangunan adalah seperti berikut:


- 1) menjana kandungan
- 2) memilih atau membina media penyokong
- 3) membangunkan panduan untuk pelajar
- 4) membangunkan panduan untuk guru
- 5) melaksanakan ujian formatif
- 6) mengendalikan ujian rintis (Branch, 2009).

Peringkat ini melibatkan proses membina sistem sebenar dengan menggunakan semua elemen yang terpilih berdasarkan keperluan. Fasa ini dibina berdasarkan kepada fasa analisis dan reka bentuk. Tujuan fasa ini ialah untuk menghasilkan rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran yang bersesuaian. Output dalam fasa reka bentuk akan menjadi input kepada fasa pembangunan. Kerja-kerja pembangunan modul pembelajaran akan dilakukan mengikut spesifikasi keperluan yang dipersetujui. Setiap langkah dalam fasa pembangunan akan diuji agar konsisten dan dapat beroperasi dengan berkesan.

Oleh kerana hasil dapatan pada fasa analisis mendapati kekeliruan dan kesukaran menentukan padanan *'adad* dan *ma'dūd* merupakan penyebab miskonsepsi berkenaan topik ini, maka sebuah modul berasaskan kepada ayat-ayat

al-Quran dibina sebagai langkah penyelesaian terhadap permasalahan berkenaan. Ayat al-Quran dipilih sebagai bahan kerana analisis kajian terdahulu mendapati responden yang berkaitan pembelajaran bahasa Arab lebih cenderung kepada pembelajaran berteraskan ayat al-Quran (Mohd Zulkifli Muda, 2015; Suhaila Zailani @ Haji Ahmad et al., 2012; Zambri Rajab et al., 2016). Melalui pendekatan ini modul dibina supaya pelajar dapat menghafaz ayat-ayat pilihan sebagai pola dan menggunakannya semula ketika mempraktikkan bahasa dalam komunikasi sebenar.

Untuk menangani masalah kekeliruan, modul yang dibina akan membahagikan 'adad Arab kepada tiga kelompok sahaja iaitu 'adad ma'dūd sama, 'adad ma'dūd berlawanan dan 'adad ma'dūd neutral. Pembahagian ini dibuat berdasarkan kepada persamaan ciri antara kelompok 'adad berkenaan. Pembahagian yang dilakukan boleh diringkaskan seperti Rajah 2.



Rajah 2. Pembahagian 'adad kepada kelompok 'adad sama, 'adad berlawanan dan 'adad neutral

'Adad dan ma'dūd sama ialah 'adad yang berakhir dengan nombor 1 dan 2 seperti 1, 2, 11, 12, 21, 22, 31, 32, 41, 42, 51, 52, 61, 62, 71, 72, 81, 82, 91 dan 92. Berdasarkan kaedah tatabahasa Arab, 'adad yang berakhir dengan nombor 1 dan 2 adalah sama dengan ma'dūd dari sudut gender (mudhakkar/mu'annath). Perhatikan contoh-contoh berikut (Rajah 3):



Rajah 3. 'Adad dan ma'dūd sama

Daripada Rajah 3, dapat dilihat persamaan pada gender 'adad dan ma'dūd. Sekiranya ma'dūd mudhakkar (إله), maka 'adad juga mudhakkar (وَاحِدٌ) dan sebaliknya sekiranya ma'dūd mu'annath (عَيْنًا), maka 'adad juga mu'annath (اثنتا عشرة). Begitulah juga situasinya 'adad lain yang berakhir dengan 1 dan 2 seperti إلهين اثنين, أمة واحدة and أحد عشر كوكبا. Bagi nombor puluh yang berakhir dengan 1 dan 2, hanya nombor 1 dan 2 yang sama dengan ma'dūd. Nombor pada rumah puluh pula kekal neutral. Contohnya: واحد وعشرون كتاب [21 buah buku] dan اثنتان وأربعون سيارة [42 buah kereta].

'Adad dan ma'dūd berlawanan pula ialah setiap nombor yang berakhir dengan nombor 3 hingga 9. Menurut kaedah tatabahasa Arab, setiap nombor yang berakhir dengan nombor 3 hingga 9 digunakan secara berlawanan dengan ma'dūd dari sudut gender. Nombor 10 juga termasuk dalam kelompok ini. Perhatikan contoh-contoh berikut:

لَهَا سَبْعَةُ أَبْوَابٍ		أَلَمْ تَرَوْا كَيْفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا	
سَبْعَةُ أَبْوَابٍ		سَبْعَ سَمَاوَاتٍ	
أَبْوَابٍ	سَبْعَةَ	سَمَاوَاتٍ	سَبْعَ
mudhakkar	mu'annath	mu'annath	mudhakkar

Rajah 4. 'Adad dan ma'dūd berlawanan

Daripada Rajah 4, dapat dilihat perbezaan pada gender 'adad dan ma'dūd. Sekiranya ma'dūd adalah mu'annath (سَمَاوَاتٍ), maka 'adad adalah mudhakkar (سَبْعَ) dan sebaliknya sekiranya ma'dūd adalah mudhakkar (أَبْوَابٍ), maka 'adad adalah mu'annath (سَبْعَةَ). Begitu juga dengan setiap nombor puluh yang berakhir dengan nombor 3 hingga 9 juga termasuk dalam kategori 'adad dan ma'dūd berlawanan. Oleh itu, nombor tersebut perlu digunakan secara berlawanan dengan ma'dūd dari sudut gender. Perhatikan contoh berikut:

لَهُ تِسْعٌ وَتِسْعُونَ نَعْجَةً وَلِي نَعْجَةٌ وَاحِدَةٌ		
تِسْعٌ وَتِسْعُونَ نَعْجَةً		
نَعْجَةٌ	تِسْعُونَ	تِسْعٌ
<i>mu'annath</i>	neutral	<i>mudhakkar</i>

Rajah 5. 'Adad dan ma'dūd berlawanan

Seperti yang tertera dalam Rajah 5 nombor pada rumah puluh kekal neutral dan tidak terkesan dari sudut gender. Oleh itu, hanya nombor pada rumah sa (3 – 9) sahaja yang akan dipengaruhi oleh ma'dūd. Perhatikan Rajah 6:


25 rumah			38 bantal		
خَمْسَةٌ وَعِشْرُونَ بَيْتًا			ثَمَانِي وَثَلَاثُونَ وَسَادَةٌ		
بَيْتًا	عِشْرُونَ	خَمْسَةٌ	وَسَادَةٌ	ثَلَاثُونَ	ثَمَانِي
<i>mudhakkar</i>	neutral	<i>mu'annath</i>	<i>mu'annath</i>	neutral	<i>mudhakkar</i>

Rajah 6. 'Adad ma'dūd berlawanan

Manakala 'adad dan ma'dūd neutral pula ialah nombor yang berakhir dengan sifar. Terdapat dua kelompok 'adad bagi kategori ini iaitu:

- 1) puluh sempurna
- 2) ratus, ribu dan seterusnya.

Jika diperhatikan, semua nombor ini berakhir dengan sifar seperti 20, 30, 40, 100, 200, 1000 dan seterusnya. Bagi kelompok ini, unsur gender adalah neutral, iaitu nombor-nombor ini kekal dan tidak berubah sama ada dipadankan dengan ma'dūd *mudhakkar* atau ma'dūd *mu'annath* seperti dalam dua contoh berikut (Rajah 7):




Rajah 7. 'Adad dan ma'dūd neutral

'Adad ألفٌ kekal neutral dan tidak berubah walaupun dipadankan dengan ma'dūd *mudhakkar* (شَهْرٍ) atau ma'dūd *mu'annath* (سَنَةٍ). Begitulah juga keadaannya semua 'adad yang berakhir dengan sifar seperti ثَلَاثُونَ شَهْرًا (tiga puluh bulan), atau أَرْبَعِينَ سَنَةً (empat puluh tahun).

Oleh kerana i'rāb ma'dūd juga dikesan sebagai topik yang menimbulkan kekeliruan berdasarkan soal selidik yang dijalankan maka satu set khusus

dicadangkan untuk menangani permasalahan ini. Penjelasan mengenai hukum *i'rāb ma'dūd* boleh diringkaskan seperti dalam Rajah 8:



Rajah 8. *I'rāb ma'dūd* dalam tatabahasa Arab

Kesimpulannya terdapat tiga hukum *i'rāb* bagi *ma'dūd* iaitu *na'at*, *muḍāf ilayhi* dan *tamyīz* yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- *i'rāb 'adad* 1 dan 2 ialah *na'at*.
- *i'rāb ma'dūd* bagi 'adad 3 hingga 10 ialah *muḍāf ilayh* dan dalam pola jamak.
- *i'rāb ma'dūd* bagi 'adad gandaan seratus juga *muḍāf ilayh* dan dalam pola *mufrad*.
- *i'rāb ma'dūd* bagi 'adad 11 hingga 99 ialah *tamyīz mufrad*.

Hukum *i'rāb* ini terpakai kepada semua nombor kerana penentuan gender dan *i'rāb ma'dūd* akan ditentukan oleh dua digit terakhir sahaja. Contohnya angka 1999 buah buku. Dua digit terakhirnya ialah 99. Jadi, 'adad tersebut termasuk dalam kelompok 'adad berlawanan dan *ma'dūdnya* adalah *tamyīz mufrad*. Justeru nombor ini diterjemahkan kepada bahasa Arab sebagai **أَلْفٌ وَتِسْعُمِئَةٌ وَتِسْعُونَ كِتَابًا**

Setiap set kelompok yang dinyatakan di atas akan disertai dengan ujian formatif di akhir setiap set. Ujian formatif dibahagikan kepada tiga jenis iaitu latihan padanan 'adad, latihan padanan *ma'dūd*, dan latihan terjemahkan ayat ke bahasa Arab. Manakala bagi set lima yang berkaitan dengan *i'rāb ma'dūd* latihan berkaitan *i'rāb ma'dūd* dalam al-Quran dan dalam penggunaan harian diberi penekanan.

Sesuatu yang jelas ialah, pembahagian yang dicadangkan dalam fasa ini adalah berbeza sama sekali dengan kaedah pembahagian 'adad dan *ma'dūd* Arab secara tradisi. Hal ini kerana kebiasaannya buku-buku tatabahasa Arab akan membahagikan 'adad dan *ma'dūd* kepada 'adad *mufrad*, 'adad *murakkab*, 'adad *ma'tūf*, 'adad *'ushur*, dan 'adad *tartībiy* selain perbincangan mengenai *i'rāb ma'dūd*. 'Adad-'adad ini pula dibahagikan pula kepada beberapa kategori seperti 'adad *mufrad* satu (واحد) dan dua (اثنان), 'adad *mufrad* tiga (ثلاثة) hingga sembilan (تسعة) dan 'adad *mufrad* seratus (مائة) serta gandaannya. Justeru, untuk menangani

miskonsepsi, pendekatan membahagikan jenis *'adad* dengan pendekatan baharu diperkenalkan dalam modul ini.

4. Fasa Pelaksanaan (Implementation)

Tujuan fasa pelaksanaan ialah untuk menyediakan persekitaran pembelajaran dan melibatkan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Prosedur biasa yang berkaitan dengan fasa pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i. sediakan guru
- ii. sediakan pelajar (Branch, 2009).

Kebiasaannya, jika perancangan baik dalam fasa analisis, reka bentuk, dan pembangunan, peringkat pelaksanaan modul akan berjalan lancar dan dapat memotivasikan pelajar. Sebaliknya, pelaksanaan modul tidak berjaya apabila pelajar tidak memahami, tidak bersemangat dan tidak terlibat dalam proses pembelajaran. Hal ini berlaku apabila bahan yang disediakan terlalu mencabar atau terlalu mudah untuk pelajar sehingga membosankan mereka.

Untuk mencapai hasrat ini, pengkaji menjalankan kajian rintis iaitu pelaksanaan awal *Modul Pembelajaran 'Adad dan Ma'dūd Berpandukan Ayat al-Quran* di Universiti Sultan Azlan Shah Kuala Kangsar. Kajian ini melibatkan seorang pendidik, dan 30 orang pelajar Diploma Tahfiz di universiti berkenaan. Institusi dan calon responden ini dipilih kerana mereka merupakan pelajar jurusan tahfiz yang berkecimpung dalam bidang pengajian al-Quran, manakala model yang dibina pula berteraskan ayat daripada kitab suci al-Quran. Tempoh pelaksanaan antara pre-test dan post-test ditetapkan sebulan iaitu pada Mac 2019. Justeru terdapat kesinambungan antara modul yang dibina dengan responden yang dipilih pada peringkat ini.

Tujuan kajian rintis ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti kelebihan dan kekurangan *Modul Pembelajaran 'Adad dan Ma'dūd Berpandukan Ayat al-Quran* dalam menangani permasalahan miskonsepsi berkaitan tajuk kajian. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji akan membuat penambahbaikan bagi setiap kelemahan yang ada semasa melaksanakan modul kepada golongan sasaran agar pembelajaran akan menjadi lebih baik dan sempurna serta permasalahan miskonsepsi berjaya ditangani. Sebanyak empat kategori soalan dikemukakan iaitu soalan berkaitan dengan menentukan padanan *'adad*, menentukan padanan *ma'dūd*, *i'rab 'adad* dan *ma'dūd* serta terjemahan *'adad* dan *ma'dūd* daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab.

Hasil pra-ujian (*pre-test*) menunjukkan bahawa tahap penguasaan responden kajian masih di peringkat sederhana. Pencapaian yang paling rendah ialah di bahagian menentukan *i'rab 'adad* dan *ma'dūd* yang mana hanya 7% responden sahaja yang memberikan jawapan yang tepat. Dalam bahagian menentukan padanan *'adad*, hanya 42% responden kajian yang memberikan jawapan yang tepat. Seterusnya bahagian terjemahan padanan *'adad* dan *ma'dūd* daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab juga menunjukkan pencapaian yang kurang memberangsangkan yang mana hanya 45% responden yang menjawabnya dengan betul. Manakala 64% responden kajian menjawab dengan tepat bahagian menentukan padanan *ma'dūd*. Dapatan ini memberi isyarat bahawa pencapaian

responden masih di tahap sederhana dengan pencapaian purata di kebanyakan bahagian masih di bawah 50%.

5. Fasa Penilaian (Evaluation)

Tujuan fasa penilaian adalah untuk menilai kualiti pengajaran produk dan proses, sebelum dan selepas pelaksanaan. Prosedur biasa yang berkaitan dengan fasa penilaian adalah seperti berikut:

- 1) menentukan kriteria penilaian
- 2) memilih alat penilaian
- 3) melaksanakan penilaian (Branch, 2009).

Fasa penilaian adalah satu tahap di mana bahan yang telah disediakan diproses untuk mengukur dan mendapatkan maklum balas pengguna modul terhadap keseluruhan rangka kursus. Fasa ini meliputi keempat-empat tahap dalam model ADDIE iaitu analisis, rekabentuk, pembangunan dan pelaksanaan. Dalam model ADDIE, keempat-empat tahap ini telah melalui fasa penilaian. Hal ini kerana setiap set modul yang dibangunkan akan dibuat penilaian formatif bagi mendapatkan respons mengenai keberkesanan reka bentuk dan kebolegunaan modul tersebut.

Istilah penilaian merujuk kepada kedua-dua bentuk penilaian formatif dan sumatif tentang produk pembelajaran dan sistem yang dibentuk dan dilaksanakan. Penilaian sumatif terhadap keberkesanan pengajaran, bahan bantu serta pencapaian objektif khas atau hasil pembelajaran dilaksanakan setelah keempat-empat fasa awal dilaksanakan. Maklumbalas yang diperolehi digunakan untuk menambahbaik perancangan pengajaran untuk topik yang sama atau berlainan atau untuk pengajaran mata pelajaran lain yang sepadan. Aktiviti dalam fasa penilaian ini meliputi:

- 1) Penilaian Formatif – penilaian ini dijalankan secara berterusan sepanjang tempoh pendedahan modul untuk setiap set yang disediakan bagi menilai keberkesanan setiap tajuk dalam modul tersebut. Penilaian formatif ini merangkumi tiga bentuk soalan iaitu menentukan padanan *'adad*, menentukan padanan *ma'dūd*, dan terjemahan nombor dari bahasa Melayu kepada bahasa Arab. Melalui hasil dapatan penilaian ini penambahbaikan akan dilakukan untuk merancang pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.
- 2) Penilaian Sumatif – penilaian ini dijalankan pada hujung kursus yang merangkumi keseluruhan tajuk bagi memastikan modul tersebut efisien dan berkesan. Penilaian ini juga bertujuan mengetahui sejauh mana pelajar dapat menguasai modul yang dibina dan direka bentuk itu dan sejauh mana pelaksanaan modul berjaya menangani miskonsepsi dalam pembelajaran tajuk *'adad* dan *ma'dūd* bahasa Arab.
- 3) Maklum balas pelajar dan pengajar – langkah ini dijalankan melalui soal selidik dan temubual secara langsung atau tidak langsung yang disediakan semasa fasa reka bentuk, pembangunan dan penilaian modul dilakukan.

Untuk tujuan menyukat sejauh mana isu berjaya ditangani, ujian pre-test dan post-test dijalankan. Hasil pencapaian daripada kedua-dua ujian dianalisis dan margin perbezaan pencapaian sebelum dan selepas penilaian akan menjadi data yang menunjukkan peratus keberkesanan modul yang diterapkan.

Setelah melalui proses mendedahkan responden kepada modul yang dibina selama sebulan post-test telah dijalankan. Hasil dapatan pasca-ujian (*post-test*) dibandingkan dengan pre-test serta perbandingan pencapaian antara keduanya dipaparkan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Perbandingan pencapaian antara pre-test dengan post-test

Elemen	Pencapaian	Pencapaian	Perbandingan
	Pre-test	Post-test	
Menentukan padanan <i>'adad</i>	42%	54%	12%
Menentukan padanan <i>ma'dūd</i>	64%	82%	18%
<i>I'rab 'adad dan ma'dūd</i>	7%	74%	67%
Terjemahan padanan <i>'adad dan ma'dūd</i> dari bahasa Arab ke bahasa Melayu	45%	56%	11%

Berdasarkan jadual didapati terdapat perbezaan pencapaian responden dalam kedua ujian berkenaan. Semua bahagian yang diuji menunjukkan peningkatan. Bahagian *i'rab* menunjukkan perubahan ketara dengan peningkatan sebanyak 67%. Hal ini kerana penggunaan model berkonsepkan carta memudahkan responden mengingati maklumat asas yang diperlukan untuk menguasai bahagian berkenaan. Hasil temubual dengan responden juga mendapati sebanyak 21 orang responden mengingati antara 6 hingga 7 ayat yang dijadikan sebagai pola dalam modul, manakala 38.7% responden mampu memberikan padanan ayat yang sesuai dengan *'adad dan ma'dūd* yang dikemukakan. Hal ini menunjukkan peningkatan yang positif terhadap penguasaan keseluruhan responden kajian.

Terdapat maklumbalas daripada responden yang mencadangkan supaya dikaitkan juga modul dengan istilah asal topik ini seperti *'adad 'uqūd*, *'adad ma'tūf* dan *'adad murakkab*. Hal ini kerana sumber rujukan lain selain modul ini menggunakan istilah berkenaan dalam membahaskan topik ini.

Dapatan daripada penilaian sumatif dan maklum balas daripada peserta kajian digunakan untuk membuat penambahbaikan terhadap modul yang dibina. Justeru, model ADDIE adalah satu bentuk rangka pengajaran yang baik, kerana pendekatan modul ini dapat mengenalpasti permasalahan dan melakukan penambahbaikan terhadap modul yang dibina setelah melalui setiap fasa pembangunan modul.

Kesimpulan

Pembangunan modul pembelajaran *'adad dan ma'dūd* berpandukan ayat al-Quran adalah lengkap kerana telah melalui kelima-lima peringkat yang disarankan oleh model ADDIE. Model ADDIE pula didapati sangat efisien untuk diterapkan dalam

pembinaan modul pengajaran, terutamanya berkaitan dengan topik yang memerlukan rawatan dan perhatian yang lebih. Hal ini kerana input pada setiap fasa akan menjadi output pula kepada fasa seterusnya. Keadaan ini menyebabkan analisis pada setiap fasa bersifat menyeluruh dan lengkap.

Satu penemuan baharu dalam kajian ini ialah cara pembahagian 'adad yang dimurnikan. Berpunca daripada fasa analisis, ditemukan bahawa kekeliruan kepada jenis 'adad yang banyak dengan kaedah yang pelbagai merupakan antara faktor miskonsepsi. Justeru, kajian ini menyetengahkan pembahagian baharu berdasarkan kepada persamaan antara setiap kelompok 'adad. Melalui pendekatan ini diharapkan permasalahan ini akan ditangani.

Rujukan

- Ab. Halim Mohamad. (2002). *Pembelajaran frasa ba di kalangan pelajar Melayu: Satu analisis kesalahan*. Tesis Master, Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (1983). *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Selangor, Malaysia: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- al-Anṣāriyy, A. M. (1405H). *Naẓariyyah al-Naḥwu al-Qur'āniyy Nash'atuha wa Taṭawwuruha*. Jeddah: Dār al-Qiblah.
- Aldoobie, N. (2015). ADDIE model. *American International Journal of Contemporary Research*, 5(6).
- al-Dīkiyy, M. R. (2007). Murakkab al-'Adad fi al-'Arabiyyah: Dirāsāt Taṭbīqiyyah 'alā Akḥṭā' al-Ṭalabah al-Naṭiqīn bi Ghayr al-'Arabiyyah fi Dhaw' al-Manhaj al-Taḳābuliyy. *Al-Manār*, 13(4).
- AlMuslim Mustapa Zamri Arifin. (2012). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), Selangor, Malaysia.
- al-Rājiḥiyy, A. (1988). *Al-Taṭbīq al-Naḥw*. Beirut: Dār al-Nahāaṭ al-'Arabiyyah.
- Branch, R.M. (2009). *Instructional design: The ADDIE approach*. New York, NY: Springer Nature.
- Che Kamarudin Kamel Che Muhammad. (1999). *Satu kajian penguasaan nahu Bahasa Arab peringkat menengah di kalangan pelajar sekolah menengah ugama Arab*. Kuala Lumpur, Malaysia: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Ḍayf, S. (1986). *Tajdīd al-Naḥw*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif.
- Hakim Zainal, & Mohd Muslim Abdullah. (2014). *Penggunaan Ayat Quran, Warna Dan Rumus Dalam Pengajaran Al-'adad wa Al-Ma'dūd*. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. Selangor, Malaysia: UKM.
- Hays, R. T. (2006) *The sciences of learning*. Irvine, CA: Brown Walker Press.
- Imam Mul Hakim. (2012). *'Adad dan ma'dud dalam bahasa Arab serta implikasinya dalam pembelajaran bahasa Arab di Indonesia*. Tesis Sarjana, UIN Sunan Kalijaga.
- Ismail Hj Ibrahim. (1974). *Kursus pendek bahasa Arab*. Simposium Pengajaran Bahasa Arab, UKM.

- Kamarulzaman Abdul Ghani, Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusuf, & Ashraf Ismail. (2012). Miskonsepsi terhadap topik Ism 'Adad wa Ma'dūd dalam Pembelajaran bahasa Arab. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(4).
- Khairuddin Nisa. (2008). *Rekabentuk instruksional berdasarkan model ADDIE: Analisis kajian di Emporia State University Korea Selatan dan Universiti Teknologi Malaysia*. Dicapai pada Jun 6, 2019, daripada <https://www.academia.edu/6992305>.
- Mohamad Hussin. (2010). *Penguasaan al-'Adad wa al-Ma'dūd dalam kalangan pelajar*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Mohamad Hussin & Mohd Sukki Othman. (2018). Mengatasi miskonsepsi pembelajaran 'adad dan ma'dūd melalui pendekatan nahu al-Quran. *Online Journal of Islamic Education*, 6(1), 41-53.
- Mohd Saiful Fahmi Mohd Nasir (2017). *Tahap kemahiran bertutur bagi Bahasa Arab Komunikasi (BAK) di sekolah agama daerah Pasir Puteh Kelantan*. Prosiding Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab (hlm. 778-797).
- Mohd Zulkifli Muda (2015, Oktober 10-11). *Kaedah penguasaan mufradat Bahasa Arab melalui ayat lazim berasaskan hafazan Al-Quran: Tinjauan awal*. SQ 2015 eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society, UniSZA, Kuala Terengganu, Malaysia.
- Nik Mahfuzah Nik Mat. (2013). *Penguasaan kemahiran mendengar Bahasa Arab dalam kalangan pelajar menengah agama*. Tesis sarjana, Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurazizah Maarup, & Harun Baharudin. (2016). Pengajaran dan pembelajaran koperatif abad ke-21 Isim al-'adad wa al-ma'dud di sekolah menengah. Dlm. *Prosiding Kolokium Pendidikan Bahasa Arab UKM 2016* (hlm. 281-299). Selangor, Malaysia: UKM.
- Nurul Huda Hassan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, & Ashraf Ismail. (2012). Misconceptions on Ism al-'Adad Wa al-Ma'dud Among Students of Arabic Language in Malaysia. *Global Journal of Human Social Science - Linguistics & Education*, 12(9).
- Suhaila Zailani @ Haji Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj Hashim, Khazri Othman, Zainuddin Ismail, & Hakim Zainal. (2012). *Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Zainol Abidin Ahmad. (2002). *Kemahiran menulis bahasa arab di kalangan pelajar melayu: satu kajian kes*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Zambri Rajab, & Kaseh Abu Bakar. (2011). Penggunaan Shahid al-Quran Dalam Kitab Sharḥ Ibn 'Aqīl dan Sharḥ Qatr al-Nadā wa Ball al-Ṣadā, Bab Marfū'āt; Satu Kajian Perbandingan. *Gema Online Journal of Language Studies*, 11(2), 83-98.

Zambri Rajab, Zulazhan Ab. Halim, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2016). Kajian nilai shahid al-Quran dalam tatabahasa Arab; Satu tinjauan awal. Dlm. *International Postgraduate Research Conference (IPRC2016)*. Pusat Pengajian Siswazah UnisZA, Kuala Terengganu, Malaysia.